

16 JUN 1998

Ling-sokong

PARTI KOMPONEN BN YAKIN KEUPAYAAN DR MAHATHIR PULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Kesemua parti komponen Barisan Nasional (BN) yakin dengan keupayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulihkan ekonomi negara dan akan memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada beliau dalam usaha itu.

Presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik berkata keputusan sebulat suara itu telah dibuat pada mesyuarat Majlis Tertinggi BN Ahad lepas.

"Beliau telah berpengalaman. Beliau telah berjaya dengan cantik sekali membawa keluar negara dari kemelesetan yang lalu dan kita menjadi kuat dari sebelum itu dan kami yakin beliau akan melakukannya sekali lagi.

"Kami mengambil keputusan sebulat suara untuk memberi sokongan 100 peratus kepada Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pasukannya." katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan kebangsaan mengenai Pentadbiran Laut sempena dengan Tahun Laut 1998 di Institut Maritim Malaysia (MIMA) di sini hari ini.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan ditanya sama ada MCA akan memberikan sokongan penuhnya terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Ling berkata antara lain mesyuarat itu turut membincangkan kedudukan ekonomi negara dan laporan-laporan media asing yang menghentam Malaysia dan Dr Mahathir.

"Kami sebulat suara mengenai beberapa perkara tertentu. Untuk menghadapi krisis (ekonomi) seperti ini dan media asing yang cuba memperkecil Malaysia, PM kita dan menggugat kestabilan kita, kami memutuskan dengan sebulat suara bahawa kita tidak boleh bertindak sebagaimana yang mereka mahu, kita perlu terus stabil dan bersatupadu.

"Apabila kita boleh lakukan ini, kita seolah-olahnya memberitahu media asing bahawa kita mengamalkan demokrasi dan kita memilih pemimpin kita sendiri dan kita tidak akan membenarkan majalah Time atau Newsweek memberitahu kita siapa yang patut menjadi pemimpin kita," katanya.

"Kita memberitahu yang kita berdiri dengan teguh dibelakang Dr Mahathir. Kita menghantar isyarat jelas kepada semua media asing - jaga tepi kain sendiri

- kami tahu apa yang kami buat, adalah menjadi tanggungjawab kita dan hak kita untuk memilih pemimpin kita sendiri," katanya.

-- BERNAMA

NHD WAT